

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 22 BILANGAN 1

RABU 5HB. JANUARI, 1977.

1397 رابو 14 محرم

PERCHUMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan berharap kepada Pegawai2 dan Kakitangan Kerajaan Baginda akan terus-menerus menyumbangkan tenaga berusaha dan bekerjasama atas sifat2 dan keyakinan "kerana Allah" di-sepanjang tahun 1977 ini.

Baginda juga berharap, segala nikmat yang di-korbankan Allah dalam tahun lalu akan terus kita nikmati dalam tahun yang baru ini.

Untuk itu, Baginda mengingatkan rakyat dan penduduk Negeri Brunei supaya berusaha dengan sungguh2 lagi pada mempertahankan keamanan dan keselamatan negeri ini supaya segala rahmat dan nikmat kurnia Allah itu akan terus kita nikmati tanpa gangguan dari anasir2 yang jahat.

Baginda bertitah demikian dalam perutusan tahun baru 1977 yang disiarkan melalui RTB, beberapa saat selepas tengah malam Hari Jumaat lepas ia-itu saat pertukaran tahun 1976 kepada tahun 1977.

Titah Baginda sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut :

"ALHAMDULILLAH, sekali lagi

beta bershukor kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita semua di-Negeri Brunei ini telah dapat menikmati keadaan yang aman dan tenteram serta makmor dan berbahagia di-sepanjang tahun 1976 yang baharu saja tamat. Selawat dan salam Beta tujukan kepada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., sahabat2 dan kerabat2 serta pengikut2 Baginda yang ta'at setia lagi jujur.

Beta berdo'a kehadharat Allah Subhanahu-Wata'ala mudah2an segala nikmat yang telah di-korbankan-Nya kepada kita dalam tahun 1976 itu akan terus kita nikmati dalam tahun 1977 yang akan kita hadapi. Beta ingin mengingatkan kepada semua rakyat dan penduduk negeri ini berusaha bersungguh2 pada mempertahankan keamanan dan keselamatan Negeri Brunei supaya segala rahmat yang di-korbankan oleh Allah Subhanahu-Wata'ala kepada kita semua akan dapat kita nikmati tanpa gangguan dari anasir2 yang jahat. Ka-araf ini Insha Allah, Kerajaan Beta akan terus-menerus berusaha pada memperkukuhkan lagi keselamatan Negeri Brunei Darus Salam.

Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai Kerajaan Beta di-semua peringkat

Lihat muka 12

DYMM SERU KAKITANGAN KERAJAAN SUPAYA TERUS BERKHIDMAT KERANA ALLAH



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson.

Kejadian jenayah bertambah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penduduk di-negeri ini ada-lah sangat beruntung kerana tinggal di-dalam sebuah negara yang aman dan tenteram dan boleh bergerak tanpa merasa bimbang dalam menjalankan kerja2 kehidupan mereka sa-tiap hari.

Ini ada-lah kerana tidak terdapat-nya perbuatan2 jahat dari mana2 perkumpulan jahat atau mengalami masalah penyalah-gunaan dadah yang merbahaya seperti yang terdapat di-negeri2 tetangga.

Demikian telah di-nyatakan oleh Pesuruhjaya Pulis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid pada minggu lalu.

Beliau menyatakan sa-terus-nya, biar pun pembunuhan dan kejadian2 jenayah keganasan yang lain-nya tidak berlaku di-negeri ini tetapi terdapat juga laporan kes2 jenayah, namun pihak pulis akan terus berwaspada untuk mengawal-nya.

Lihat muka 12

Brunei dan Britain terus jalin persahabatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Britain dan Brunei akan terus menjalin persahabatan yang mesra sa-bagaimana yang telah biasa-nya berjalan pada tahun2 yang sudah.

Dalam perutusan tahun baru Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson menyatakan bahawa persahabatan kedua negara itu akan mengeratkan lagi perhubungan antara rakyat British dan Brunei.

Beliau juga menyampaikan ucapan selamat tahun baru kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan serta kepada semua ahli Kerabat Diraja dan menyampaikan salam mesra-nya kepada seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei.

Tuan Yang Terutama juga mengucapkan selamat tahun baru bagi pihak orang2 British yang berkhidmat di-Brunei.

Dalam perutusan yang disiarkan melalui RTB itu, Tuan Yang Terutama berkata bahawa sambil kita melihat kebelakang terhadap tahun lalu itu kita juga meman-

dang ka-hadapan kepada tahun baru dengan penuh harapan.

Beliau berkata, ada-lah lazim bagi jenerasi tua meninjau kebelakang terhadap tahun2 yang telah di-tinggalkan itu, sementara orang2 muda pula memandang ka-hadapan untuk memainkan peranan mereka dalam masyarakat di-tahun2 yang akan datang.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah bertitah bahawa masa depan manusia tergantung kepada saling faham-memahami dan saling bekerjasama di-antara satu dengan lain.

"Kata2 Baginda itu ada-lah benar dan saya ingin mengulang kata2 Baginda itu pada memberikan ucapan selamat tahun baru kepada semua rakyat dan penduduk Negeri Brunei", kata beliau.

PELITA BRUNEI

5HB JANUARI, 1977

1977 memerlukan usaha yang lebih gigih lagi jujur

SATIAP tahun beraleh, maka sa-tiap waktu itu juga-lah timbul harapan2 yang rata2 di-lahirkan dari hasrat yang mulia, terutama pada memementingkan kesejahteraan dan kesentosaan raayat dan penduduk negeri. Antara raayat dan penduduk itu pula sa-tiap tahun di-serukan kepada mereka supaya menyedari akan tanggung-jawab masing2 dengan sungguh2 lagi, terutama pada memberikan kerjasama yang sa-erat2-nya dalam hal memelihara keamanan dan ketenteraman yang merupakan sandaran yang penting untuk terus menekmati kemakmoran yang ada atau yang lebih mewah lagi daripada sa-belum-nya.

Dalam hubungan ini tidak-lah ada yang lebih berharga melainkan kesedaran raayat yang ingin berusaha dengan gigih lagi jujur dalam bidang2 yang menjadi tanggung-jawab mereka itu baik yang bersangkutan dengan hal-ehwal pentadbiran Kerajaan mahupun bidang2 awam termasuklah soal2 didekan kepada keluarga. Ini tidak terkecuali di-kalangan pelajar2 dalam usaha2 yang meliputi alam kemajuan mereka, terutama terhadap sa-suatunya yang menjadi teras kepada harapan2 yang di-katakan selaku angkatan yang bakal meneruskan usaha2 untuk kemajuan negara dan bangsa itu.

Seruan2 yang sa-umpama ini bukan-lah sa-suatunya yang baru, tetapi peranan-nya ada-lah penting pada memperingat diri kita seluruh-nya. Malah hal yang sa-umpama ini ada-lah tepat di-lakukan pada memikirkan bahawa antara sifat2 kebakhilan manusia ia-lah "mudah lupa", dan sifat sa-umpama ini akan lebih mudah menguasai kalangan2 yang berjaya "menyampaikan hajat2-nya". Di-sini-lah perlu-nya peringatan2 supaya kita mengamalkan sifat2 jujur itu, kerana dengan kejujuran itu-lah yang dapat memberikan kesedaran pada punchak yang dapat mencakupkan sifat2 manusia yang sempurna. Manusia jujur tidak akan berpura2 dalam menghadapi alam keliling-nya, malah lebih berani menghadapi sa-suatunya gejala yang chuba memesongkan.

Kalau ada sifat2 jujur itu, maka kaitan-nya dengan sifat ikhlas ada-lah rapat hubungan-nya, malah dapat di-katakan bahawa kedua2 sifat itu ada-lah sa-sisi. Maka sa-seorang yang memiliki kedua2 sifat itu ada-lah di-antara orang2 yang beruntung di-dunia dan di-akhirat, malah darjat-nya ada-lah lebih baik dari sa-seorang yang bernasib baik itu, kerana bergantung kepada nasib baik tidak-lah dapat di-jadikan sa-bagai satu jaminan hidup yang total di-sebabkan sifat pasang-surut-nya.

Sementara sifat2 jujur dan ikhlas itu ada-lah satu pembawaan hidup bagi sa-seorang yang memiliki-nya, dan harus, ini-lah salah satu pengenal dari apa yang di-istilahkan sa-bagai orang2 yang di-redhai oleh Allah itu.

Sa-jauh ini sudah banyak benar makalah2 dan buku2 serta kitab2 yang memperkatakan soal kedua2 sifat itu yang mana pada keseluruhan-nya sependapat menyarankan bahawa sifat2 jujur dan ikhlas itu ada-lah merupakan satu2-nya kebersehan rohani yang mesti di-miliki jika-lah manusia ini sa-benar-nya mahukan perdamaian yang hakiki. Apa yang di-maksudkan perdamaian itu bukan-lah terhad kepada perluchutan senjata antara yang berperang, malah mencakup kepada seluruh chara hidup manusia yang dapat memelihara diri dari menimbulkan sebarang iras perpechahan yang biasa-nya terbit dari shak-wasangka.

Dalam titah perutusan tahun baru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara-nya mengharapkan supaya "segala rahmat yang di-korbankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita semua akan dapat kita nekmati tanpa gangguan dari anasir2 yang jahat."

Sungguhpun anasir2 yang jahat dalam titah tersebut di-tujukan pada maksud memporakperandakan keamanan dan keselamatan Negeri Brunei, tetapi kalau kita semua bersedia merenongkan titah itu lebih jauh, maka maksud perutusan itu tidak-lah terhad sa-takat itu saja, kerana fungsi aman dan selamat ada-lah amat luas dan sa-suatunya yang dapat menchachatkan aman dan selamat itu-lah merupakan anasir2 yang jahat itu juga.

Oleh itu, sifat2 yang bersehi itu ada-lah perlu, apa lagi di-kalangan pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda yang di-harapkan Baginda dalam titah perutusan baru itu supaya terus melaksanakan perkhidmatan kerana Allah yang antara teras-nya ia-lah sifat2 jujur dan ikhlas yang mana merupakan jaminan dari tergamak melakukan perbuatan2 yang tidak amanah terhadap bangsa dan tanah ayer kita yang tunggal ini. Mudah2an, 1977 akan lebih membawa kesedaran untuk faedah bersama.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md Jamil Al-Sufri.

Keamanan, ketenteraman, t-jawab raayat

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud, menekankan bahawa tentang peri mustahak-nya keamanan dan ketenteraman yang menjadi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, demi untuk kesejahteraan seluruh raayat dan penduduk di-negeri ini.

Kata-nya, tanggungjawab memelihara keamanan dan ketenteraman bukan sahaja di-bebankan kepada pasokan keselamatan, bahkan ia-nya juga menjadi tugas dan tanggungjawab seluruh raayat dan penduduk di-negeri Brunei.

Ketika berucap menyokong Titah Uchapan Kebawah DYMM sa-waktu membuka rasmi Sidang Belanjaan Majlis Mashuarat Negeri baru2 ini, Yang Berhormat itu membayangkan tentang anasir2 jahat yang chuba mengachau-bilaukan fikiran2 raayat di-negeri ini dan sentiasa menchari jalan bagi mengganggu keamanan dan ketenteraman.

Menyentuh perkembangan Pasokan AMDB, Yang Berhormat itu juga menyatakan yang AMDB telah pun menchapai mutu kecekapan yang boleh di-banggakan. Askar Melayu Diraja Brunei telah mendapat peruntukan perkhidmatan bagi tahun 1977 ini, sa-banyak \$302,946,068.

DARI DEWAN

Peruntukan Pelajaran lebih \$17 juta

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja, Dato Laila Utama Awang John Lee, telah mengemukakan satu ketetapan di-bawah Cheraian (2) Bab 4 Undang2 Kumpulan Kewangan Kemajuan dan telah di-luluskan oleh Majlis dengan sa-bulat suara, sa-telah mengadakan beberapa perbahasan.

Ketetapan itu di-buat bagi membolehkan mengeluarkan perbelanjaan sa-jumlah \$144,082,327 dari jumlah Wang Kemajuan sa-banyak \$150 juta; untuk 22 buah perkhidmatan Kerajaan:—

Pertanian \$6,880,331; Kehutanan \$59,943; Perikanan \$810,000; Kawasan2 Perusahaan \$1,269,017; Perdagangan \$4,200,000; Pelajaran \$17,062,418; Jalan2 \$19,860,604; Penerbangan Awam \$5,380,232; Laut dan Pelabuhan \$3,000,000; Letrik \$4,084,683; Talikom \$12,798,144; Radio dan Talibishen \$16,400,000; Perkhidmatan Pos \$400,000; Perumahan Kerajaan \$11,821,990; Perubatan dan Kesihatan \$5,887,085; Kebersehan \$1,689,719; Perbekalan Ayer \$8,530,554; Perkhidmatan2 Bandaran \$2,150,000; Bangunan2 Awam \$9,487,002; Peranchang Bandar dan Desa \$800,000; Hal Ehwal Ugama \$6,510,635 dan Simpanan Gegasan \$5,000,000.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ada-lah Ahli yang pertama menyatakan sokongan penohnya atas ketetapan itu.

Kata beliau, usol yang di-emukakan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara itu ada-lah perlu di-luluskan oleh ahli2 Dewan kerana usol itu ada-lah bagi membolehkan memajukan beberapa rancangan penting untuk faedah2 raayat dan penduduk negeri ini.

Peruntukan untuk memajukan Pelajaran sa-jumlah lebih dari \$17 juta ringgit itu, kata beliau, bukan saja bagi memajukan perkara2 yang berkaitan dalam persekolahan yang ada sekarang tetapi yang lebih penting dari itu ia-lah mengadakan beberapa skem pelajaran yang terbesar. Rancangan Pelajaran yang terbesar itu, jelas beliau, ia-lah seperti pembinaan ba-

ngunan Pusat Tingkatan Enam di-Gadong dan Tambahan Bangunan Maktab Perguruan yang juga letaknya di-Gadong itu.

Di-Maktab Perguruan itu, jelas beliau, akan di-buat sa-buah Perpustakaan yang besar bagi membekalkan bahan2 bacaan yang menchukupi untuk kegunaan bakal2 guru itu. Beliau kemudian-nya menjelaskan tentang kegunaan perpustakaan bagi sa-buah pusat pengajian yang menurut beliau amat penting untuk mengesankan lagi pengetahuan bakal2 pendidik itu nanti. Beliau juga memberi tahu Dewan bahawa di-maktab itu juga akan di-dirikan asrama yang baru yang mana asrama yang ada sekarang ada-lah jauh dari menchukupi di-sebabkan semakin ramai-nya penuntut2 memasoki maktab itu.

Pusat Tingkatan enam yang di-bena di-Gadong itu akan di-bekalkan dengan peralatan2 yang menchukupi dan perbelanjaan untuk membena bangunan Pusat itu saja menelan belanja lebih dari \$6 juta ringgit.

Pusat itu juga, kata beliau, perlu ada asrama kerana pelajar2-nya bukan saja yang datang dari sekitar Bandar Seri Begawan bahkan dari seluruh daerah negeri ini. Di-asrama itu nanti akan di-sediakan kesesakan disamping menolong serta menyenangkan para ibubapa menghantar anak mereka itu dengan selamat ka-sekolah yang berdekatan dengan kampung masing2.

MAJLIS

PERASAAN MEMILEH KERJA DI-KALANGAN BELIA2 — MB



Y.B. Haji Othman Bidin.

Ketua2 Jabatan di-ingatkan supaya berjimat chermat

YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin, dalam memberikan sokongan terhadap "Peruntukan Belanjawan bagi

SOAL membanyakkan mata-pencharian bagi anak2 negeri ini tidak dapat disangkal lagi ada-lah salah satu usaha utama Kerajaan sekarang. Latchan2 melalui dermasiswa di-seberang laut, melalui Sekolah2 Teknikal di-Belait, Sekolah Pertukangan Bangunan di-Jalan Muara, Sekolah2 Dewasa dan seumpama-nya. Galakan2 meluas bagi beberapa projek yang berasaskan bahan2 yang ada di-negeri ini seperti kayu-kayan, pasir puteh dan lain2. Melalui Undang2 Imigresen dan Buroh pula, di-tekanakan sharat2 supaya sektor2 peribet hendak-lah mengutamakan anak2 tempatan. Kesemua-nya ini ada-lah merupakan usaha pada menimbulkan mata-pencharian2 bagi lepasan2 sekolah dari sa-tahun ka-sa-tahun.

Masaalah antara lain, yang di-hadapi masa ini, ia-lah maseh terdapat perasaan memileh kerja di-kalangan pemuda pemudi di-negeri ini sa-bagai mithal beberapa kekosongan maseh terdapat sa-bagai Anggota Polis, Askar Melayu

Diraja Brunei, Pasokan Bomba dan lain2 lagi. Sa-lain dari itu sifat2 kegajilan untuk bekerja sa-lain daripada dengan Kerajaan jua maseh terdapat.

Ini telah di-sabdakan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Laila Raja, Awang Haji Abu Bakar bin Baha.

Mengenai dengan mengambil sharikat2 dari luar negeri untuk berchuchok tanam sa-chara besar2an sa-bagai usaha bagi menambah mata-pencharian anak2 tempatan, Yang Amat Mulia itu menambah, bahawa perkara tersebut ada-lah dalam perhatian Kerajaan. Dalam pada itu jika tidak di-awasi dan di-teliti daripada beberapa aspek yang penting; ia-nya bukan pula nanti akan menimbulkan mata-pencharian bagi anak2 tempatan, akan tetapi boleh jadi ia-nya juga akan merupakan sa-bagai membuka peluang yang lebih luas kepada buroh2 dari luar negeri. Dengan sebab itu-lah Kerajaan sungguh berwaspadanya terhadap chadangan tersebut, kata-nya.

Mengenai dengan masaalah pemberian tanah kepada orang2 yang belum mempunyai tanah, Yang Amat Mulia itu menjelaskan permohonan untuk memohon tanah sa-benar-nya di-tanggihkan bagi membolehkan Kerajaan memproses dan menyempurnakan semua permohonan untuk memiliki tanah yang di-hadapkan sa-belum tahun 1954.

Sabda-nya, sekarang Kerajaan hanya mempertimbangkan permohonan untuk pemakaian tanah jika permohonan sa-demikian mempunyai kepentingan2 ekonomi negara, seperti pemakaian tanah oleh Shariat Minyak Shell Brunei, Shariat LNG dan projek2 pertanian dan perindustrian. Jika ia-nya di-maksudkan untuk mendapatkan tanah untuk perumahan, maka lebih sempurna dan sesuai ia-nya di-jadikan sa-bagai sa-bahagian daripada rancangan perpindahan nanti.

Menjawab pertanyaan lain



Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.

dari Yang Berhormat Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit, berhubung dengan masaalah tanah ini lagi, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa menurut peratoran

yang ada sekarang, Kerajaan hanya memberikan pinjaman wang untuk membina rumah kepada kakitangan-nya dan bukan untuk membeli tanah.

Masaalah jalan raya akan di-ambil perhatian

JABATAN Kerja Raya dapat peruntukan perkhidmatan bagi tahun 1977 ini sebanyak \$46,111,550. Dewan agak mengambil masa yang agak panjang ketika membahaskan peruntukan jabatan tersebut.

Beberapa orang ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masaalah2 yang tertumpu kepada jalan2 kecil di-sekitar pendalaman di-Daerah Belait, beberapa jalan2 kecil yang sudah di-gunakan itu supaya dapat di-buboh dengan minyak tar.

Demikian juga keadaan kesibokan jalan raya di-Batu Satu, Jalan Tutong itu ternyata amat menyusahkan, terutama sa-kali pada waktu2 orang ramai pergi dan balik dari bekerja, waktu anak2 sekolah pergi dan balik dari sekolah dan hari2 keramaian.

Timbul juga masaalah jalan2 raya yang kerap kali di-banjiri ayer apa bila hujan; jalan2 kecil di-sekitar perkampungan Tutong Satu dan Tutong Dua supaya di-buboh dengan batu, keadaan jalan raya di-Subok yang terputus bagitu sahaja dan lain2 lagi.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish menjelaskan bahawa pembinaan jalan2 kecil itu sudah tentu akan di-usahakan, apa yang patut di-dahulukan. Beliau menyakinkan kepada Dewan tidak akan mengabaikan soal ini, bahkan sentiasa mengkaji dan menilai dari segi keutamaan-nya.

Berhubung dengan kesibokan di-jalan raya Batu Satu, Jalan Tutong beliau menjelaskan perkara tersebut memang di-sedari dan usaha

sedang di-buat untuk mengatasi masaalah yang terdapat di-situ. Kemungkinan besar ada-lah untuk membina jalan raya lain bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di-situ, jelas beliau lagi.

Mengenai pentadbiran jalan2 kecil, pengendalian-nya ada-lah berlainan. Pembinaan jalan2 kecil yang baru ada-lah di-bawah kawalan Pejabat Daerah, termasuk pemeliharaan dalam perengkat awal-nya. Jabatan Kerja Raya, ada-lah membuat jalan2 raya atau jalan2 besar dan melaksanakan pemeliharaan-nya, sampok Yang Amat Berhormat, Menteri Besar.

Menurut Yang Amat Berhormat lagi, Jabatan Kerja Raya hanya bertanggungjawab terhadap jalan2 kecil yang di-serahkan kepada-nya sama ada untuk di-perbaiki, di-elok dan di-perbesarkan.

Menyentuh kenapa jalan2 yang di-bina oleh Shariat Minyak Shell di-serahkan dan di-pelihara oleh Kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan bahawa jalan2 yang di-buat oleh Shariat itu pada masa ini lebih banyak di-gunakan oleh orang2 awam daripada pekerja2 shariat itu.

Berhubung dengan jalan raya di-Subok yang di-katakan maseh terputus itu, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib menjelaskan bahawa Kerajaan telah pun merancang untuk menembuskan jalan Subok itu ka-Kampung Sungai Kianggeh dan kemungkinan besar untuk menghubungkan kan jalan itu dengan Jalan Muara.

Bilakah

Ranchangan Perpindahan di-mulakan?

KETIKA Dewan Majlis bersidang sa-bagai Jawatankuasa bagi membincangkan Jabatan Perpindahan; soalan yang sama datang-nya dari Ahli Yang Berhormat dari Temburong, Daerah Belait dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali; bertanya bila-kah ranchangan perpindahan itu akan di-mulakan.

Kemuskilan mereka itu telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, antara lain menjelaskan bahawa ranchangan di-maksudkan pada masa ini sedang dalam penelitian Kerajaan. Satu penyiasatan yang lebih mendalam ada-lah diperlukan untuk ranchangan perpindahan, tambah-nya.

Ranchangan perpindahan menurut Setia Usaha Kerajaan itu meliputi Daerah Temburong, Tutong dan Belait sa-lain dari Daerah Brunei dan Muara. Akan tetapi mengikut kesesuaian untuk mengadakan ranchangan itu dengan suasana kehidupan atau kebiasaan mereka pada tiap2 hari, kerana tidak-lah wajar jika sa-orang yang mahir dalam menangkap ikan akan di-pindah di-ladang untuk bertani, ujar Setia Usaha Kerajaan itu.

tahun 1977" yang beliau menganggap suatu peruntukan yang besar berbanding dengan tahun yang sudah2; mengingatkan Ketua2 Jabatan supaya berjimat chermat serta mana2 jawatan2 kosong perlu-lah di-isikan segera.

Menyentuh mengenai kesesakan di-Bandar Seri Begawan, beliau lalu mengshorkan supaya kawasan Berakas di-jadikan Bandar Seri Begawan ke-dua. Kata-nya, kawasan Berakas pada masa ini sedang pesat dengan bangunan2 perumahan dan lain2 projek perkembangan.

Menyentuh dengan tandas awam, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, yang menyatakan rasa kesal-nya di-mana terdapat sa-bilangan orang2 awam yang tidak tahu menghargai kebersehan dan tidak kurang pula perkakas2 di-rosakkan; Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman menghendakikan supaya pehak yang berkenaan mengadakan satu peratoran baru bagi mengenakan bayaran masuk sa-banyak 10 sen tiap2 orang (sa-kali masuk).

Mengemukakan keraguan beliau terhadap jawatan posman yang di-iklankan supaya pandai menulis dan membaca tulisan China sedangkan peniaga2 China di-Brunei kebanyakan-nya fasah berbahasa Melayu dan Inggeris. Perkara ini telah di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Besar, menyatakan dipandang dari mata kasar perkara tersebut ada-lah benar; tetapi apa hal-nya surat2 dari luar negeri dalam tulisan China. Masaalah ini telah di-alamikan oleh Pejabat Pos itu sendiri sa-hingga Posman berkejar mencari taukeh2 kedai untuk bertanyakan ka-mana surat2 itu harus di-tujukan. Dan jika sa-orang Posman itu pandai menulis dan berbahasa China tentu-lah surat2 tersebut akan segera di-sampaikan, sabda-nya.

Anggota badan2 sukarela di-seru amalkan disiplin yang baik

SUNGAI TALU.—Pengkakap, Pandu Puteri dan Palang Merah di-negeri ini di-seru supaya mengamalkan disiplin yang baik dalam sa-tiap masa bukan saja di-masa perkhemahan malah di-mana2 juga mereka berada.

Mereka juga di-ingatkan agar mempunyai semangat didikasi terhadap pertubuhan mereka dengan mengikut garis2 peratoran dan dasar yang tertentu yang di-tetapkan dan mereka mesti-lah sentiasa bersedia menyumbangkan tenaga mereka yang berkebakikan.

Demikian telah di-ucapkan oleh Awang Haji Abdul-lah bin Haji Mohd. Jaafar, Pegawai Daerah Belait dalam ucapan penutup Perkhemahan Pengkakap Kebangsaan Brunei seluruh negeri yang berlangsung di-Sungai Tali pagi hari Khamis lalu.

Beliau yakin perkhemahan pada kali ini dapat menimbulkan satu sikap bersatu padu di-antara mereka yang menyertai perkhemahan tersebut di-samping ia-nya dapat membentuk belia yang berdisiplin yang sentiasa berbakti kepada negara dan ingin membuat jasa yang sejati.

Beliau berharap supaya Pengkakap, Pandu Puteri dan Palang Merah akan sentiasa mempraktikkan ketaatan 'Persediaan dan Undang2', 'Selalu Bersedia', perchaya diri sendiri dalam menjamin pertubuhan mereka sentiasa terpelihara.

Mengenai dengan perkhemahan kali ini beliau juga berharap agar para peserta perkhemahan tidak akan merasa jemu menyertai-nya buat masa2 akan datang.

Perkhemahan yang telah berlangsung di-Sungai Tali

sa-lama lima hari minggu lalu itu telah di-sertai bersama oleh lebih 1,000 orang Pengkakap, Pandu Puteri dan Palang Merah seluruh negeri dan beberapa pasokan Pengkakap dan Pandu Puteri luar negeri ia-itu dari Sarawak dan Singapura.

Terdahulu dari itu Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Md. Daud telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengkakap Kebangsaan Brunei itu pada hari Ahad 26hb. Disember.

Berbagai2 acara perlawanan perkhemahan dan kerja2 Pengkakap telah di-adakan sepanjang perkhemahan tersebut yang di-ikuti dengan temasha unggun api pada malam kedua dan ketiga.

Persatuan Pengkakap Tempatan Daerah Belait ada-lah menjadi tuan rumah perkhemahan tersebut yang berthemakan 'Berbakti Kepada Negara' sementara lagu Pengkakap 'Sa-belum Kita Meninggal' telah di-nyanyikan sepanjang perkhemahan.

Turut berucap dalam upacara penutup hari itu ia-lah Ketua Perkhemahan, Awang Haji Ali bin Haji Md. Daud, Ketua Pesuruhjaya Pengkakap Brunei.

Ada-lah di-fahamkan Perkhemahan Pengkakap Kebangsaan yang akan datang akan di-adakan di-Daerah Brunei dan Muara di-mana Persatuan Pengkakap Daerah tersebut menawarkan untuk menyelenggarakan perkhemahan pada tahun 1978 nanti.



Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Md Daud memeriksa barisan pengkakap yang mengalu2kan ketibaan Yang Amat Mulia untuk merasmikan perkhemahan sa-lama lima hari itu.

Pengkajian perbelanjaan

BANDAR SERI BEGAWAN.— Satu majlis cheramah khas bagi kakitangan2 Kerajaan yang telah terpilih bagi menyertai pengkajian Perbelanjaan Keluarga bagi bulan Januari ini telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia pada minggu lalu.

Majlis tersebut telah di-dahului dengan ucapan dari Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Awang Selamat bin Munap yang telah menekankan betapa mustahak-nya tiap2 ahli yang di-pilih untuk bekerjasama dalam pengkajian tersebut.

Penerangan2 lanjut mengenai pengkajian itu telah diberikan oleh pegawai2 dari Yunit Peranchang Ekonomi.

Pengkajian Perbelanjaan Keluarga ini akan di-jalankan dalam jangka sa-tahun dengan sa-bahagian dari kakitangan Kerajaan di-pilih tiap2 bulan bagi mewakili yang lain-nya yang tidak terpilih.

Kakitangan2 yang meng-

hadhiri cheramah ini ia-lah kumpulan yang pertama yang akan menyertai pengkajian bagi bulan Januari, 1977. Kumpulan2 lain akan di-di-maklumkan sa-belum penyertaan tiba.

Lantekan Ketua Kg.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei telah memperkenankan perlantikan lima orang Ketua Kampong baru bagi Daerah Brunei/ Muara. Perlantikan bagi kelima2 orang Ketua Kampong itu berjalan kuatkuasa-nya mulai 1hb Januari, 1977.

Surat perlantikan rasmi bagi Pengarah Haji Othman bin Abd Kadir sa-bagai Ketua Kampong Burong Pingai Ayer; Awang Jaludin bin Nayan, Kampong Jerudong; Awang Mohd Hashim bin Haji Jaafar @ Md Zajin, Kampong Lupak Luas dan Tarap Bau; Dullah bin Namit, Kampong Kasat dan Awang Lamit bin Baha, Kampong Panchor Murai dan Imang telah di-serahkan oleh Pegawai Daerah Brunei/ Muara, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Johari bin Abdul Razak dalam satu majlis yang di-adakan di-Dewan Bangunan Peringatan Churchill pada minggu lalu.

Pepereksaan City & Guilds

BANDAR SERI BEGAWAN.— Jabatan Pelajaran telah membuat persiapan untuk mengadakan Pepereksaan City and Guilds bagi bulan Mei hingga Jun 1977.

Chalun2 sekolah boleh mendapatkan borang2 permohonan dari pengetua2 Sekolah Pertukangan Bangunan Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kuala Belait dan dari Ketua Pusat Latehan, Sekolah Vokeshenal Sharikat Minyak Shell di-Seria. Chalun2 pribet juga boleh menyertai pepereksaan tersebut.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pegawai Pepereksaan di-Bandar Seri Begawan sa-hingga 22hb Januari. Borang2 yang telah di-isikan bersama2 sijil yang dikeluarkan oleh Instituti City and Guilds London jika ada hendak-lah di-sampaikan kepada Pegawai Pepereksaan tidak lewat dari 22hb Januari ini. Borang2 yang lewat diterima dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Kelas Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN.— Kelas2 dewasa menaik dan tengkas di-Sekolah Melayu Lumapas akan di-adakan semula pada 7hb ini. Penuntut2 yang ingin meneruskan kelas2 mereka tahun lalu dan mereka yang ingin memasuki kelas2 tersebut boleh-lah hadir di-sekolah itu pada sa-tiap pagi Jumaat dan Ahad.

Kelas2 menaik dan tengkas di-Sekolah Melayu Tamoi Tengah akan juga di-buka semula pada 7hb Januari. Pendaftaran bagi kelas2 tersebut akan di-buka pada pukul lapan pagi hari tersebut.

Utk. peminat musik

BANDAR SERI BEGAWAN.— Pasokan Pancharam Pulis Diraja Brunei mempunyai beberapa jawatan kosong yang terhad bagi pemuda2 yang berminat dalam seni musik.

Pemohon2 mesti-lah berumur 18 tahun ka-atas, berbadan sehat, tidak kurang daripada 5 kaki 2 inci tinggi dan sebaik2-nya boleh bertutor dalam bahasa Inggeris.

Mereka yang berminat dalam lapangan ini hendak-lah memohon sa-chara bertulis kepada Pengarah Pancharam Pulis Diraja Brunei, Ibu Pejabat Pulis Diraja, Gadong.

Pemohon2 akan di-temu duga untuk menilai kebolehan mereka dalam seni musik.

Seminar Pimpinan Belia

BANDAR SERI BEGAWAN.— Sa-ramai 45 orang pemimpin2 belia di-seluruh negeri telah di-pilih menghadiri Seminar Pemimpin Belia yang akan bermula pada 8hb Januari ini.

Seminar yang di-anjarkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan itu berthemakan 'Belia Bergerak dan Bertanggung-jawab.' Ia-nya akan di-adakan sa-lama sembilan hari di-Pusat Belia di

sini.

Seminar yang julong2 kali-nya di-anjarkan oleh jabatan itu bertujuan untuk melatih belia2 sa-bagai pemimpin2 yang aktif dan bertanggung-jawab.

Sa-masa menghadiri seminar itu, peserta2 akan mengikuti perbincangan2 terbuka. Mereka juga akan di-bawa melawat ka-beberapa jabatan dan projek2 Kerajaan.

PERSEKOLAHAN KITA DENGAN DASAR PELAJARAN BARU



SALAH sa-buah bangunan sekolah rendah Melayu yang berbentuk kekal telah di-bena untuk kemudahan belajar bagi anak2 di-sekitar Kampong Perpindahan Burong Pingai, Berakas.

Usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Pelajaran pada memberikan pelajaran kepada semua kanak2 di-negeri ini dengan perchuma dalam apa jua perengkat sudah tidak dapat di-sangkal lagi di-mana kenyataan telah menampakkan hakikat ini bahawa dari hanya sa-buah sekolah rendah Melayu yang telah di-dirikan pada tahun 1912 di-Bandar Brunei kini telah muncul beberapa buah sekolah di-seluruh pelusok tanah ayer.

Mendirikan sekolah2 dalam semua perengkat — rendah, menengah dan maktab adalah suatu usaha berkebakikan dari Kerajaan yang ingin melihat raayat dan penduduk negeri ini terutama jenerasi muda supaya mempunyai ilmu pengetahuan dengan sa-chukup-nya dari sa-rendah2-nya membawa ka-perengkat yang lebih tinggi sesuai dengan kehendak dan kepentingan bangsa dan negara.

Dalam menyelaraskan perjalanannya pelajaran yang dimaksudkan supaya ia sesuai dan sempurna dalam perlaksanaan-nya pada menuju objek kepentingan bangsa dan negara itu tadi Kerajaan telah menetapkan beberapa Dasar Pelajar tahun 1962 ia-itu Pelajaran termasuk Dasar hasil dari Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang tahun 1959 sa-belum ini dan Dasar Pelajaran Baru yang mula di-jalankan dalam tahun 1972.

Mencili pada shor2 yang telah di-tetapkan dalam Dasar Pelajaran Baru 1972 itu ia-nya mengandungi tujuan2 utama seperti berikut:—

- * Untuk menjadikan sa-chepat mungkin bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar dalam Sekolah2 Rendah dan Menengah Kebangsaan sesuai dengan kehendak Perlembagaan;

- * Untuk meninggikan ukuran penggunaan bahasa Inggeris dalam sekolah2 Rendah dan Menengah di-negeri ini;
- * Untuk lebih menitekatkan pelajaran agama Islam sesuai dengan kehendak Perlembagaan;

- * Untuk menyediakan pelajaran sa-lama 9 tahun yang sesuai dengan kehendak negara terus menerus kepada semua kanak2 Brunei; 6 tahun di-Sekolah Rendah dan 3 tahun di-Sekolah Menengah Bawah;

- * Untuk memastikan, dengan menyediakan ikhtisar mata pelajaran yang isi-nya sa-rupa, yang taraf pelajaran di-semua sekolah ada-lah sa-bandingan;

- * Untuk menjadikan pelajaran menengah dapat di-chapai oleh semua orang berdasarkan kepada kehendak dan kebolehan mereka;

- * Untuk memberikan kepada semua kanak2 Brunei segala kemungkinan peluang demi menjadikan diri mereka berguna untuk perkembangan negara bagi memenohi segala

kehendak2 yang di-perlukan oleh negara supaya semua kehendak2 itu di-penuhi oleh raayat Brunei sendiri; dan

- * Untuk menimbulkan, saloran 2 di-atas, suatu identiti kebangsaan sa-bagai tapak pertumbuhan rasa taat setia kepada Brunei, dan juga membangun kecekapan dan sifat melentor di-dalam sistem Pelajaran untuk memnoli kehendak2 pembangunan negeri ini.

Keseluruhan shor2 yang telah di-hadapkan oleh Suruhanjaya Pelajaran dalam Dasar Pelajaran Baru di-atas itu kita penoh yakin bahawa segala penentuan tersebut akan pasti menchapai matalamat-nya demi untuk ke-baikannya kita bersama serta jenerasi kita yang akan datang dan demi untuk menamakan identiti keBruneian di-sa-tiap jiwa jenerasi muda kita.

Berbalek kepada sejarah persekolahan di-negeri kita sejak tahun 1912, dari sa-buah sekolah membawa kepada 140 buah sekolah dalam tahun 1973, ini bererti bahawa dalam usia 64 tahun saja Kerajaan telah menampakkan hasrat-nya demikian rupa.

Satu Sistem Pelajaran Kebangsaan yang sa-patut-nya perchuma serta wajib dan menggunakan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) sa-bagai bahasa pengantar yang utama di-salurkan untuk maksud;

"memberikan peluang2 pelajaran yang sama rata, meninggikan taraf pelajaran raayat dan memberi pelajaran 'am kepada semua raayat untuk menjadikan mereka satu masyarakat terpelajar ia-itu supaya sempurna demokrasi di-Brunei di-masa depan."

Dari jumlah 140 buah sekolah yang di-dirikan itu an-tara-nya 120 buah sekolah rendah dan persediaan, 16 buah sekolah menengah, dua buah sekolah teknikal dan dua buah sekolah latehan perguruan yang kesemua-nya terdiri dari pengantar aliran Melayu, Arab (agama) dan Inggeris.

Memang sejajar dengan kehendak negara dan bangsa seperti apa yang terkandung dalam Dasar Pelajaran itu tadi mendirikan sekolah2 yang berbagai perengkat adalah suatu matalamat yang pasti di-laksanakan, malah lebih jauh lagi Kerajaan akan

menyatukan penggunaan bahasa pengantar di-semua sekolah itu dalam satu bahasa pengantar yang utama ia-itu bahasa Melayu.

Dan untuk semua ini Kerajaan juga telah menyusun satu struktur Sistem Pelajaran yang bagitu rapi supaya penerimaan pelajaran yang sempurna dapat di-rasakan dan di-nekmati oleh semua lapisan raayat dan penduduk negeri ini ia-itu Kerajaan menentukan penubohan:—

- * Taman Kanak-Kanak,
- * Sekolah Rendah Kebangsaan,
- * Sekolah Menengah Bawah,

- * Sekolah Menengah Arab,
- * Sekolah Latehan Kerja,
- * Sekolah Teknik,
- * Sekolah Pertanian,
- * Sekolah Menengah Atas,
- * Sekolah Menengah Tinggi,
- * Maktab Perguruan dan
- * Maktab Perguruan Uga-ma.

Usaha ini tidak dapat dinafikan kerana memandangkan kehendak2 pembangunan bangsa dan negara kita ada-lah benar2 memerlukan tenaga2 yang terlatih dan berkemahiran dalam berbagai2 bidang pembangunan seperti sains dan teknologi, kebudayaan, ekonomi, pertanian, pentadbiran, kemasyarakatan, agama dan sa-bagai-nya.


Sebab itu-lah pembinaan dan pertambahan bangunan sekolah yang ada di-perbesarkan dan di-bena baru agar pertambahan ka-tas kanak2 yang bersekolah dan belajar sa-tiap tahun akan dapat di-tempatkan tanpa mengalami kesesakan.

Mengenai pertambahan kanak2 bersekolah sa-tiap tahun pada tahun 1970an sekarang dan kita bandingkan ia-nya dengan pertambahan kanak2 bersekolah dalam tahun 1930an akan nampak suatu perbezaan besar antara kedua-nya.

Ini ada-lah kerana jenerasi kanak2 pada tahun 1930an itu telah ujud suasana yang tidak menyenangkan tentang ketidak-sedaran di-kalangan ibubapa akan penting-nya didekan pelajaran kepada anak2 mereka, kerana ada ibubapa yang tergamak mengurong anak2 mereka apabila musim persekolahan mendekati saat-nya di-awal tahun di-mana para guru bertugas membanchi kanak2 yang akan di-sekolahkan, maka lain pula hal-nya jenerasi kanak2 di-tahun 1970an ini.

Pada tahun 1930an itu ke-balikan ibubapa yang enggan menyekolahkan anak2 mereka telah menimbulkan tindakan 'saman' dari Kerajaan sa-bagai mengatasi kekurangan kanak2 ka-sekolah, tetapi buat dekad ini telah timbul suatu kesedaran di-kalangan raayat dan penduduk di-mana ibubapa menghantar anak2 mereka ka-sekolah apabila umur kanak2 itu menjangkau had yang di-tentukan bahkan kanak2 yang kurang had umur-nya yang di-benarkan pun di-kareh2kan untuk bersekolah.

— BERSAMBONG —



PELAJARAN Kelas Uga-ma sering kesuntukan tempat belajar bagi kanak2 di-negeri ini. Dalam gambar memperlihatkan salah sa-buah surau telah di-gunakan sa-bagai tempat belajar mereka.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

BELIA HARI INI AKAN JADI PEMIMPIN MASA DEPAN

KANAK2 yang ada pada hari ini akan menjadi belia yang akan datang, dan belia2 yang ada pada hari ini juga akan menjadi pemimpin2 dan pengendali negara bila tiba masa-nya. Kalau pada masa yang akan datang, kita berkehendakkan pemimpin2 dan warga-negara kita terdiri dari golongan orang yang cerdik pandai, terdidek dan bertanggung-jawab terhadap bangsa dan tanah ayer-nya, maka ada-lah perlu bagi kita berusaha membuat perediaan untuk menyusun rancangan2 yang berkebaikan dan mengator langkah2 yang berkesan apa jua yang akan di-maksudkan pada mereka itu (belia2) dan kanak2 tadi. Memimpin dan melateh anak2 kita dan belia2 kita yang ada pada masa ini supaya mereka menjadi pemuda dan pemudi nanti mereka akan terus menjadi belia2 yang terlateh, berdisiplin, bertanggung-jawab dan tahu menyesuaikan diri dengan suatu keadaan pada masa yang akan datang itu.

Sa-suatu chadangan yang di-maksudkan, tidak akan dapat di-chapai dengan begitu saja, melainkan di-usahakan dan juga di-kaji masalah2 yang terkandung di-dalam-nya serta di-selesaikan masalah itu ya'ni bukan di-biar-kan saja masalah2 yang ada kita jumpai itu atau lebeh2 lagi kalau tidak di-amalkan tahu masalah itu atau di-sifatkan suatu perkara yang tidak dzahir atau tidak hadir dengan sebab itu-lah kanak2 kita di-beri pelajaran yang sa-empurna2-nya supaya mereka menjadi belia yang kuat, cergas dan berilmu pengetahuan dan bagi belia2 kita pula di-didek, di-lateh di-beri pimpinan dan di-beri ilmu pengetahuan yang berse-uaian dengan sa-suatu pekerjaan atau kehendak2 kemajuan yang di-perlukan oleh negara supaya mereka mengerti dan memahami sa-suatu maksud yang hendak di-buat itu dan dapat menyeleng-garkan terus kemajuan bangsa dan negara yang di-chita2kan itu.

Di-samping itu pantang-larang atau perkara2 yang menyebabkan timbul-nya sa-suatu yang boleh menggugat atau menjejaskan atau menghalang maksud rancangan itu hendaklah di-elakkan sa-umpama-nya kalau pemuda2 ini bekerja menjadi pegawai2 maka hendaklah di-elakkan perkara2 yang tidak di-ginini sa-umpama malas bekerja

atau tidak rajin atau tidak mahu mengusahakan ilmu pengetahuan atau berdiam diri sahaja menung-gu jam chukop masa balek. Yang lebeh penting lagi ia-lah rasuah. Jauhkan dari rasuah kerana rasuah itu akan menggugat kemajuan kalau kita mahu maju maka kita kena rasuah maka dari rasuah itu terjejas-lah kemajuan itu, kerana kalau pantang larang yang saya sebutkan itu yang boleh merosakan chita2 itu di-amalkan terus-menerus bersama2 dengan kerja2 kita untuk membentok kemajuan negara sudah tentu hasrat itu sukar hendak di-chapai.

Hal ini sama-lah juga seperti orang yang hendak menjadikan badan-nya sihat sudah tentu perlu bagi-nya berusaha bukan ha-nya mencari makanan yang ber-kebaikan dan membuat tempat kediaman yang sesuai tetapi tidak kurang penting-nya mengelakkan perkara2 yang boleh mendatangkan penyakit seperti yang saya sebutkan tadi kalau penyakit untok kemajuan ia-lah rasuah, kalau pantang-larang itu atau pun perkara2 yang boleh membiakkan sa-suatu penyakit itu tidak di-jaga, atau perkara yang boleh merosakkan kesihatan badan jadi amalan juga walau berapa banyak pun amalan atau ubat2 yang menguatkan badan seperti makjurn si-kantur makwa atau akar sum2 atau tandok rusa yang buragan di-amalkan tiap2 hari atau sa-bagai-nya, kesihatan itu akan merosot juga, boleh jadi kalau nasib orang baik atau akan terus mendatangkan merbahaya pula.

Mithal-nya lagi bagi orang yang kena penyakit kencing manis yang di-pantang benda2 yang manis, seperti gula atau nasi yang berlebeh2an walaupun ia berinjek enosolin tiap2 hari kalau ia terus-menerus juga makan

gula dan nasi yang berlebeh2an itu menurut hukum adat, sudah tentu penyakit itu akan mendatangkan merbahaya. Begitu juga orang yang mengidap penyakit Betok Kering atau (TB) walaupun ia memakan pil2 berpuluh2 biji sa-hari dan di-beri injeksan pada tiap2 hari kalau pantang-larang penyakit itu terus di-amalkan-nya seperti bergaul dengan isteri yang berlebeh2an ataupun membiarkan makanan-nya berchampur dengan benda2 yang berkuman atau pun di-tempat kediaman-nya tidak bersih ini pun akan mendatangkan penyakit itu sukar akan sembuh dengan sebab itu-lah, perlu di-amalkan perhatian oleh pemuda2 atau belia2 kita yang sadar dan insaf akan keadaan negara-nya sendiri dan bertanggung-jawab terhadap negara-nya dengan tidak ragu2 saya memberikan pandangan ini kapada mereka.

Jikalau kita berkehendakkan suatu kemajuan untuk bangsa kita, di-samping kita berusaha untok menyusun rancangan bagi mencapai kemajuan bangsa dan negara itu segala pantang-larang yang boleh merosakkan maksud itu hendaklah di-elakkan dan di-jauhi kalau di-biarkan begitu saja atau pantang-larang itu terus di-amalkan tanpa menghiraukan apa2 akibat-nya akan terjadi ada-lah sukar bagi kita hendak mencapai chita2 yang berkebaikan itu. Sebab itu-lah sa-ma kita menjalankan usaha untok memelihara anak2 kita, pemuda-pemudi kita, sa-lain di-berikan pelajaran latehan dan pimpinan yang berkebaikan untok menjadikan mereka warga negara yang bertanggung-jawab pada masa yang akan datang, mereka juga sentiasa di-ingatkan supaya berhati2 dan berwaspada terhadap pantang-larang itu.

KAN-HAL KITANI . . .

KITANI ucapkan tahniah lagi kapada Persatuan Belia Kampong Sultan Lama dan satu dua buah lagi Persatuan Belia di-sekitar Bandar Seri Begawan, telah selamat mengadakan Mashuarat Agong mereka, baru2 ini.

Bagaimana pula hal-nya dengan Persatuan2 Belia di-Daerah Temburong, Tutong dan Belait? Sudi-lah kira-nya menghantar berita kegiatan2 biskita untok mengisikan ruangan Belia dan Sokan ani.

J/Kuasa Belia Kg. Sultan Lama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama telah mengadakan Mashuarat Tahunan-nya kali ke-14, baru2 ini. Jawatan-kuasa baru yang di-pilih ada-lah seperti berikut:—

Penasehat — Awang Haji Omar bin Duah (Ketua Kampong).

Yang Dipertua — Awang Sulaiman Puteh (di-pilih semula).

Timbalan Dipertua — Awg Mohd Zaini Hj Omar (di-pilih semula).

Setiausaha Agong — Awg Abdul Rahman Hj Naim (di-pilih semula).

Timbalan Setiausaha — Awg Ismail Hj Naim.

Pengerusi — Awang Mohd Zain Hj Omar.

Bendahari — Awg Annuar Hj Md Tahir.

Timbalan Bendahari — Awg Mohd Tahir Bakir.

Ketua Seksi Sokan dan Permainan — Awg Jahri bin Abu Bakar.

Ketua Seksi Kebajikan — Awang Abd Latif bin Panglima Raja Othman.

Ketua Seksi Pertukangan — Awang Jumat bin Bulat.

Ketua Seksi Kesenian dan Kebudayaan — Awang Jaafar bin Wali.

Ketua Seksi Wanita — Dayang Norbanun Haji Ali.

Jurutulis — Jabidi Wahid serta lima orang ahli Jawatankuasa biasa.

DIARY PENDIDEKAN JASMANI BULAN INI

- * Januari — Pendaftaran Guru2 Kursus Pendidekan Jasmani Kumpulan Satu Pusingan Ketiga hari Ahad 2hb Januari, 1977 jam 4.00 petang di-Asrama Sekolah Pertukangan Bangunan Jalan Muara.
- * Januari — Mashuarat pegawai2 Pendidekan Jasmani bagi penggal I hari Khamis 13hb Januari, 1977 jam 9.00 pagi.
- * Januari — Pendaftaran Guru2 Kursus Pendidekan Jasmani Kumpulan Dua Pusingan Ketiga 16hb Januari, 1977 jam 4.00 petang di-Asrama Sekolah Pertukangan Bangunan Jalan Muara.
- * Januari — Penutup Pendaftaran Perlawanan Bolasepak Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas Kumpulan "C" umur 18 tahun ka-bawah 22hb Januari, 1977. (Mashuarat di-jalankan di-daerah masing2).
- * Januari — Penutup Pendaftaran perlawanan Rentas Desa Sekolah2 Bahagian Rendah 29hb Januari, 1977 jam 12.00 tengah hari.

10

PANDUAN

UNDANG2
KE-EMPAT

c. Setud yang mana di-bena sa-bagai bahagian penoh tapak dan tidak boleh diubah hendaklah di-buat dari getah, pelastik, polyyurethane atau barang2 yang persamaan lembut-nya. Tambahan bahan bantuan bagi membuat setud2 kasut bola yang di-perbuat dari bahan2 yang lembut dan tebing2 tidak akan munchol lebeh daripada 5mm. dari tapak kasut dan di-lekatkan untok kekuatan-nya akan di-benarkan, asal-kan kasut2 itu dalam keadaan tidak merbahaya kapada pemain2 lain. Dalam hal2 yang lain hendaklah mengikut kehendak am undang2 ini.

d. Palang dan setud yang berchampur (combined) boleh di-pakai sekira-nya mematuhi kehendak am undang2 ini sa-penoh-nya. Tiada palang atau setud pada tapak terkeluar lebeh dari tiga suku inchi. Sekira-nya di-gunakan paku hendaklah di-tekot-

kan ka-dalam sa-hingga rata dengan paras. 3. Penjaga gol hendaklah menggunakan warna yang membezakan dari pemain lain dan pengadil.

HUKUMAN :—

a. Permainan tidak boleh di-berhentikan kerana pelanggaran perenggan 4. Pemain yang berkenaan akan di-beri amaran serta merta sa-lepas bola keluar dari permainan.

b. Kerana pelanggaran yang ka-atas undang2 ini, pemain yang berkenaan akan di-beri amaran bertulis dan jika permainan di-berhentikan oleh pengadil, untok menjalankan amaran bertulis, tendangan bebas tidak terus (indirect free kick) akan di-ambil oleh pemain dari pasokan lawan dari tempat di-mana bola tersebut berada semasa permainan di-berhentikan. (bersambung)

PERJALANAN KA-TANAH SUCHI

OLEH: HAJI ABDUL AZIZ JUNEID

KETUA PEGAWAI PERHUBONGAN

HAJI TAHUN 1396/1976.

(Siri Kedua)

Di-JEDDAH: Sebaik2 sahaja barang2 di-bawa masuk ka-dalam bangunan tempat tinggal dan para jemaah mengambil tempat-nya masing2, maka kelihatan mereka mula merehatkan badan. Ada yang duduk2 bersandar ka-tembok, ada yang berbaring, ada yang terus membuka bekalan dan makan mana2 yang sempat sekadar untuk mengalas perut, dan ada juga yang tidak menghiraukan apa2 melainkan terus tidur. Pendek-nya macham2 fi'el ketika itu, semua-nya membayangkan penat serta letih lesu para jemaah sekalian-nya. Tetapi sungguh pun begitu, sekali-sekala kedengaran juga suara ketawa dan berbual kuat2 dari beberapa orang jemaah yang periang tentu-nya.

Saya tidak mendengar apa2 sungutan ketika itu, dan ini saya anggap suatu pertanda yang baik menandakan ada ketabahan hati para jemaah. Memang, dalam mengerjakan ibadat ini, kesabaran perlu sekali. Sepanjang-panjang pekerjaan kita di-uji. Kita di-uji membelanjakan banyak wang, kita di-uji mengorbankan segala kesenangan hidup. Semua sukar: Perjalanan jauh, memakan masa, dan sa-seorang itu harus pula mendapat sakit kerana-nya. Tetapi bagi yang benar2 insaf, bahu-hawa kepergian-nya bukan-lah melancang menchari keseronokan, bahkan kerana senjajaja menjadi TETAMU Allah sabagaimana dalam "tala'ih" masing2 mengaku: "Ini-lah hamba-Mu datang, ya Allah, menyahut panggilan-Mu, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu," maka segala sukar sulit itu tidak lagi bermakna bagi mereka. Yang bergetar dalam kepala dan hati ialah pesan Allah seperti tersebut dalam Surah Al-Baqarah Ayat 197 yang bermaksud kira2:

"Mengerjakan haji itu dalam beberapa bulan tertentu. Barang siapa yang telah menetapkan niat-nya dalam bulan itu mengerjakan haji, tidak di-bolehkan sama sekali berchapak kotor, berlaku jahat (fajik) dan berbantah2an (bermusuhan) dalam mengerjakan haji itu. Dari pekerjaan baik yang kamu kerjakan itu akan di-ketahui oleh Allah. Dan bawalah perbekalan. Dan bekalan yang sebaik2-nya ialah tagwa. Dan patuhlah kapada-Ku (Allah), wahai orang2 yang berfikir."

Dalam masa bertolak dari Brunei lagi saya telah mengambil maksud Ayat ini dan memberi tahu kepada jemaah melalui pembesar suara di-dalam kapal terbang. Hati saya sentiasa berharap mudah2an peringatan itu akan terus berkesan dan dapat diingat baik oleh tiap2 jemaah, terutama dalam saat2 seperti ini, di-mana keadaan benar2 sedang mula menguji dan akan terus menguji bahkan lebih hebat lagi.

Apabila masuk waktu sembahyang subuh, para jemaah kita masing2 bergegas mengambil udzu dan bersembahyang jemaah di-bilik masing2. Sa-lepas itu orang2 perempuan dengan perannya-nya, ada yang mula menyalaikan dapur semawar memasak ayer panas untuk serapan pagi. Dapur itu sama ada yang baru di-beli malam itu juga (waktu itu kedai2 di-buka sa-lama 24 jam), atau pun dapur yang sedia di-bawa dari Brunei. Semua-nya berjalan ranchak dan para jemaah kelihatan riang.

MENUKAR BANK DRAFT

Jam 7.00 pagi waktu Jeddah. Saya dan rakan setugas saya, Haji Mohd. Yunus memulakan tugas mengutip kesemua bank2 draft para jemaah. Sa-takat ini kami belum tahu hujung pangkal apa-kah kemungkinan2 yang akan kami hadapi waktu hendak menukar bank2 draft tersebut. Panduan kasar memang-lah ada, tetapi kami dapatkan melalui pegawai2 pada tahun lepas, ia-tu seperti di-mana tempat menukar dan apa2 yang harus di-buat sebelum itu. Tetapi sekadar ini belum-lah ragap hati, sebab peratoran dan chara2 itu harus berubah bila2 masa saja.

Ada empat tugas kami yang paling besar di-Jeddah ini: (1) menukar bank2 draft, (2) mengurus bas dan tempat tinggal ketika di-Madinah kelak, (3) menghantar telegram ka-Brunei, dan (4) mendapatkan "bathaah mujamalah"

(sa-macham security card) yang pada lazim-nya tanpa kad ini Pegawai2 Perhubungan Haji tidak akan dapat bebas keluar masuk, terutama untuk ka-Jeddah daripada Mekah dalam sa-panjang musim haji ini bagi urusan2 dengan pihak penerbangan, atau urusan telegram, atau urusan passport kira-nya ada passport jemaah yang hilang dan lain2 lagi. Semua ka-empat2 urusan ini mesti di-selesaikan dalam sa-hari sahaja kalau boleh, sebab kami akan berada di-sini mungkin tidak sampai dua hari, dan sa-lepas itu terus ka-Madinah. Pendek-nya kami pegawai2 harus bertindak serba chepat, dan yang penting mesti chari jalan bagaimana chara yang dapat menyegerakan urusan itu. Kerana itu, dengan berbekalkan do'a semoga Allah memudahkan segala urusan, maka saya dan rakan setugas saya, Haji Mohd. Yunus dengan tidak membuang masa terus keluar meninggalkan bangunan tempat tinggal untuk urusan2 tersebut di-natas.

Jam waktu itu baharu menunjukkan 7.35 pagi. Mula2 kami pergi ka-tempat urusan passport yang di-namakan Al-wakil. Dari sini-lah Sheikh2 di-Madinah di-tetapkan. Dan di-sini juga tempat membayar sewa keenderaan yang akan membawa ka-Madinah dan ka-Mekah. Tetapi pihak Al-wakil ini hanya akan menerima bayaran dengan wang tunai sahaja. Kerana itu bank2 draft mesti di-tukar terlebih dahulu. Kami ehoba mendapatkan surat dari Al-wakil kepada pihak Bank supaya bank2 draft boleh di-tukar dan di-tandatangani oleh Pegawai2 Perhubungan Haji sahaja. Ini-lah yang di-buat oleh Pegawai2 pada tahun sudah.

Tetapi kami mendapat jawapan yang menghampakan, bahawa pihak-nya tidak dapat lagi mengeluarkan surat seperti itu. Dengan itu kami meninggalkan pejabat Al-wakil dan terus ehoba berurusan dengan salah satu chawangan Bank Kebangsaan yang berdekatan dengan pelabuhan Jeddah, kira2 sepuluh batu jauh-nya dari tempat tinggal di-Madinatul Hujjaj. Khabarnya berurusan dengan pihak chawangan ini lebih mudah kerana orang tidak ramai. Tetapi kebetulan hari itu hari Juma'at, bank ini di-tutup sa-tengah hari (demikian kami di-beri tahu oleh orang2 di-sini). Kami terus berkejar dengan teksi balek ka-Madinatul Hujjaj. Jam waktu itu menunjukkan hampir 11.30 pagi. Di-Madinatul Hujjaj ini juga ada Bank Kebangsaan. Jadi kami terus kasana dan kebetulan ia maseh buka (waktu sembahyang bank2 dan pejabat2 di-sini di-tutup sementara). Kami memberi tahu akan menukar bank draft di-sini, dan jawapan yang di-berikan senang sahaja: Boleh. Tetapi pihak bank mahu tiap2 orang menukar draft-nya sendiri dengan membawa passport masing2.

Ini-lah yang sungguh menyulitkan. Pertama hendak membawa ka-semua jemaah ka-bank adalah satu masalah, kerana di-antara mereka dan kanak2 dan juga orang2 tua yang lemah, dan bahkan ada dua orang sa-belum kami keluar tadi baru saja menerima rawatan Doktor akibat serangan "asthma" (semput atau ampus). Dan ka-dua, untuk mendapatkan passport tidak mungkin, kerana ia maseh di-pegang oleh pihak Al-wakil, dan terus akan di-pegang kechuali sesudah dijelaskan segala bayaran seperti bayaran bas dan lain2. Ini suatu

peratoran yang nampak-nya tidak boleh di-tawar2. Maka untuk ini terpaksa-lah kami menchuba bersola jawab dengan pihak bank.

"Barangkali tuan maseh ingat pada tahun sudah bank2 draft jemaah kami hanya di-tukar dan di-tandatangani oleh pegawai2 yang mengetahui mereka, apa-kah hal yang serupa tidak dapat di-buat bagi jemaah kami pada tahun ini?" Saya chuba2 mengingatkan.

"Oh, tidak boleh!" Jawab sa-orang pegawai bank yang nampak-nya ada authority dalam membuat sa-suatu keputusan di-situ. "Kami telah mendapat kesulitan besar akibat itu, sebab itu-lah pada tahun ini segala2-nya mesti mengikut peratoran." Tambah pegawai itu dengan tidak menjelaskan apa2 jenis kesulitan yang di-sebut-nya itu.

Dengan jawapan ini rasa-nya kami tidak boleh berbuat apa2 lagi. Saya pun beralah kepada rakan setugas saya, Haji Mohd. Yunus. Seperti saya, rakan saya itu juga kelihatan muram.

draft. Masa di-tetapkan untuk jemaah hadir ka-bank ia-lah sa-baik2 sahaja selesai sembahyang fardzu Juma'at. Saya tidak akan menchatkan di-sini kejadian2 yang berlaku dalam masa tukar-menukar bank draft ini, terlalu banyak hendak di-tulis. Tetapi memadai-lah saya sebut sa-bagai chupuk "meletehkan".

Di-sabalah petang hari itu juga, 5hb. Nobember, 1976 kira2 jam 4.30 saya dan rakan setugas saya, Haji Mohd. Yunus berpindah dari bank ka-pejabat Al-wakil lagi untuk menetapkan masa dan hari bertolak ka-Madinah, serta membuat pembayaran keenderaan yang akan membawa ka-Madinah dan ka-Mekah. Uraian di-sini mudah, memakan masa hanya lebih kurang sa-tengah jam sahaja. Besok sa-lepas Dzuhur, di-tetapkan bertolak ka-Madinah.

Kami balek semula ka-tempat tinggal memberi tahu jemaah. Mana2 yang teringat kami terus berpesan supaya mereka jangan lupa bekalan di-jalan. Sekurang2-nya minuman panas dan biskut-

walaupun sabanar-nya terlalu penat, tetapi hati gagau, satu urusan yang mustahak lagi sedang menunggu. Seperti hendak di-pusing-pusing hari biar chepat2 siang.

Lepas sembahyang subuh berjemaah, isteri saya menyediakan untuk kami minum pagi dengan kueh koyan dan madu kasirat. Demikian juga jemaah yang lain2 ada yang terus minum pagi atau ada juga yang tidur semula. Sa-lepas minum, kami menjengok ka-sabalah menyebelah tempat orang2 Brunei. Semua-nya berkeadaan baik, kechuali dua orang yang terkena asthma (ampus) maseh lagi di-dalam perhatian Doktor.

Masok hari ka-dua di-Jeddah, 6hb. Nobember, 1976. Waktu baru menunjukkan jam 7.15 pagi.

Pada minggu yang lepas saya ada menyebut nama Akram, sa-orang pegawai muda Immigration. Orang ini-lah yang telah berjanji akan tolong membawa kami ka-tempat mengurus "bathaah mujamalah". Jam 8.00 ka-dua-nya dia datang. Kami berhadapan akan membawa-nya naik teksi bersama2 kami, tetapi rupa2-nya dia mengajak naik kereta CHEVROLET-nya yang kami tak tahu sabelum-nya. Alhamdulillah, ini juga tidak shak lagi suatu pertolongan Allah terhadap hamba-Nya. Orang ini sederhana tubuh badan, ayer muka-nya berse, kelihatan ikhlas dan tidak mengharap apa2. Pakainya jubah biasa orang2 Saudi dengan lilit kepala yang di-pakai sechara bersahaja.

"Saya tahu saudara2 berkehendakkan pertolongan dari kami, dan kami mesti menolong saudara2," dia membuka perbualan.

"Terima kasih, Allah akan memberkati tuan," jawab saya.

"Apa saudara2 ini baru pertama kali menunaikan fardzu haji?"

"Saya kali ka-dua, dan rakan saya ini baru pertama kali ini-lah." Terang saya sambil menoleh ka-belakang kearah Haji Mohd. Yunus.

"Saudara2 ini dari BRUNEI." Belum habis perkataan-nya itu saya terus memotong membetulkan: "BRUNEI!"

Dan terus dia mengulang-ulang mengikut chara saya menyebut.

Dalam perbualan kami sa-panjang perjalanan yang tidak kurang barangkali dari 9 hingga 10 batu itu, pegawai yang menolong kami ini banyak memuji2 orang yang seperti kita ini, kata-nya: Orang2 seperti saudara2 sangat baik, peramah dan berakhlak tinggi. Kalau ada peluang, kata-nya dia ingin sekali melihat Brunei. Tetapi kemudian dia lebih jauh mahu tahu: Di-mana-kah Brunei? Berapa ramai penduduk-nya? Apa hasil bumi-nya? dan lain2 lagi.

Bagi saya, saya tidak merasa tersinggong menerima pertanyaan2 serupa ini. Bahkan kita harus bangga dan merasa beruntung, kerana ini-lah masa serta peluang yang baik untuk kita berchapak memperkenalkan negeri kita. Pertama2 identity Brunei harus-lah di-tunjukkan, ia-tu saya berpendapat ada tiga yang besar: (1) Negeri Brunei sa-buah negeri Islam, (2) Mempunyai raja yang berdaulat serta memerintah, dan Baginda itu pula beragama Islam, dan (3) Baharu-lah hasil mahsul Brunei, yang besar-nya sechara

البنك الأهلي التجاري



Gambar2 ini menunjukkan jemaah2 haji dari seluruh dunia sedang beresak-ask menukar wang di-Bank Kebangsaan di-Jeddah di-mana bank2 draft jemaah Brunei juga di-tukar di-sini.

"Nampak-nya terpaksa juga kita membawa semua jemaah kemari, apa fikir?" Tanya saya kepada rakan saya itu.

"Ya, tidak ada jalan lain lagi, tapi bagaimana hendak mendapatkan passport?" Tanya balek Haji Mohd. Yunus.

Saya kembali berpaling menghadapi pegawai bank tadi dan merayu supaya syarat membawa passport untuk menukar draft itu di-batalakan, ia-tu dengan alasan seperti yang sedia di-ma'alomi oleh pegawai itu sendiri bahawa semua passport2 ada-lah di-pegang oleh pihak Al-wakil (Immigration), dan baharu akan di-serahkan kepada pemilik-nya sesudah segala pembayaran di-buat sebagaimana yang di-tetapkan oleh Kerajaan. Akhir-nya jalan tengah di-chapai dengan pihak bank, ia-tu sa-bagai ganti passport, tiap2 orang mesti-lah memakai "Lenchana" Jemaah Brunei yang berupa panji2 dan bendera Negeri Brunei, yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, dan menuliskan nama penoh di-atas lenchana itu sebagaimana nama di-dalam bank

biskut. Habis sembahyang, keluar semula. Kali ini kami menaiki teksi ka-bandar menchari Pejabat Telegraph. Isi telegram yang kami hantar ia-lah menyatakan jemaah kumpulan pertama semua selamat sampai di-Jeddah pada 5hb. Nobember, 1976.

TUGAS LAIN YANG MUSTAHAK.

Sekarang tinggal satu tugas lagi, yang tidak kurang mustahak-nya, itu untuk mendapatkan "bathaah mujamalah" (sa-macham security card). Tetapi hari telah hampir malam, kami tidak boleh berbuat apa2 lagi, kerana yang akan di-tuju ia-lah Pejabat Rasmī Kementerian Luar Negeri Arab Saudi dan Pejabat Kementerian Haji Dan Awaqaf. Ada pun pejabat2, kechuali pejabat post/telegraph dan bank, semua nya tutup mengikut waktu biasa bekerja. Jadi terpaksa-lah kami tangguhkan untuk ka-esokan hari-nya.

Makan hanya menyimbat-nyimbat. Tidur malam itu pun macham lalai-lalai sadar sahaja,

Dari muka 7

kebetulan, serupa dengan Saudi sendiri ia-itu minyak. Kemudian sesudah pokok ini kita pegang, maka senang-lah bagi kita menjuntun perkara2 lain berupa peri bumi Brunei: Tentang penduduknya, pembangunan-nya, kebudayaan dan adat istiadat-nya dan lain2.

Saya fikir, ini pun juga satu tugas, tugas yang tidak di-ran-chang dan di-duga sabelum-nya. Siapa jua orang2 Brunei berke-wajipan memperkenalkan negeri-nya, di-mana jua mereka berada, asal saja dengan cara yang ber-patutan dan sehat, dan yang pen-ting tidak keluar dari dasar2 kita yang mesti kita hormati.

Alhamdulillah, urusan menda-patkan "bathaqaq mujamalah" (sa-macham security card) ini se-lasai akhir-nya, dengan lebeh sa-jam memakan masa. Sa-lepas itu kami bergegas pulang semula ka-Madinatul Hujaj. Perut ma-seh kosong, tetapi ramai jemaah menyergah kami dengan pertanya-an: "Mana bas kitani?" Kami menjawab dengan menekan hati: "Sabar, bukan-kah sudah di-beri tahu lepas Dzuhoor, se-karang baru lalu pukul 11.00. Lagi pun chuba abis kita liat di-luar atu, bas2 jemaah orang2 Afrika maseh bajuntun, harus bas kitani inda boleh masuk sa-hingga Asar ani karang."

Satu lagi ujian kami terima. Kami banyak mengetahui tentang jemaah kami, tetapi mereka be-lum banyak tahu tentang rasa hati kami dan tugas2 kami, ter-masok-lah apa yang baru kami selesaikan sa-bentar tadi.

(BERSAMBONG)



KEMAJUAN TIDAK AKAN DAPAT DI-CHAPAI TANPA ADA-NYA PENYERTAAN DAN SUMBANGAN RAAYAT

Sa-BAGAIMANA yang telah di-umumkan, bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperun-tokkan sa-jumlah besar wang bagi perkhidmatan tahun 1977, ia-itu lebeh dari lapan ratus juta ringgit. Dari jumlah itu, terdapat peruntukan bagi wang kemajuan ia-lah yang kedua besar-nya ber-jumlah sa-banyak sa ratus lima puluh juta ringgit.

Sa-bagai bangsa yang mem-punyai keperluan untuk ber-kembang dan mempertahankan hidup-nya, maka kita ra-ayat dan penduduk negeri ini patut-lah bergembira dengan pengumuman kerajaan terse-but sa-bagai suatu rahmat yang lahir dari kesedaran un-tok memajukan negeri dalam erti meninggikan taraf hidup dari yang ada sekarang ka-pada yang lebeh baik lagi. Dalam pada itu semua orang harus-lah ingat bahawa wang hanya-lah alat, tidak lebeh dari itu, sedang sumber ke-majuan dan pembangunan paling utama ada-lah juga bergantung kepada tenaga dan penyertaan raayat. Tanpa penyertaan dan sumbangan raayat, semua nya tidak dapat berhasil dengan memuas-kan.

Di-antara sumbangan dan penyertaan raayat dalam pembangunan itu ia-lah me-majukan diri sendiri dalam berbagai2 lapangan hidup, kerana itu lah pokok ajaran Ugama Islam ia-lah menyu-roh sa-tiap orang itu berusa-

ha dengan segala kekuatan un-tok menchari penghidupan. Apabila manusia bekerja menchari penghidupan di-ja-lan yang halal dengan niat menjalankan perintah Allah, maka usaha yang demik-ian itu bagi-nya menjadi amal ibadat.

Allah telah berfirman di-dalam surah Al-Jumaat yang kira2 maksud-nya:

"Dan apabila selesai me-ngerjakan sembahyang, boleh-lah kamu bertibaran di-muka bumi dan chari-lah kornia (rezeki) Allah. Dan ingat-lah Allah sa-banyak2-nya supaya ka-mu beruntung".

Pada suatu hari Rasulul-lah s.a.w. duduk bersama sahabat2 Baginda, tiba2 lalu sa-orang pemuda yang mem-punyai tubuh badan yang kuat sedang hendak pergi berusaha menchari penghi-dupan. Sahabat2 itu berkata: "Sesungguh-nya malang se-kali! Alang-kah banyak-nya jika pemuda itu memperguna-kan masa muda-nya dan ke-kuatan tenaga-nya untuk ja-lan Allah." Mendengar per-kataan sahabat2 yang demik-ian itu, Rasulullah s.a.w. bersabda kira2 bermaksud:

"Jangan kamu berkata begitu! Kerana kalau dia berusaha un-tok menchu-kopkan keperluan diri-nya, supaya terpelihara daripada meminta2 dan supaya hidup-nya tidak bergantung kepada orang lain, maka usaha-nya itu ada-lah pada jalan Allah. Dan kalau dia berusaha

KHUTBAH JUMAAT



un-tok keperluan ibu bapa-nya yang lemah atau ke-luarga-nya yang lemah, supaya dapat memenohi kepentingan mereka, ma-ka usaha-nya itu juga pa-da jalan Allah. Tetapi jika dia berusaha dengan tujuan supaya dapat membanggakan diri dan memperlihatkan kekaya-an, maka usaha-nya itu ada-lah di-jalan shaitan."

Maka dengan ini jelas-lah, bahawa Ugama Islam me-larang keras orang mengang-gor atau menghabiskan umor lantong2 dengan bermain2, dengan mengantongkan hi-dup kepada orang lain. Malahan semua-nya di-suruh bergerak, bekerja dan be-

kerja. Berusaha un-tok ke-perluan diri, ibu bapa dan keluarga atau keperluan uga-ma dan masharakat umom ada-lah merupakan ibadat dan di-beri pahala sa-chukop-nya oleh Allah Ta'ala.

Oleh hal yang demikian itu, di-samping kita bershu-kor dengan usaha2 kerajaan yang terus menerus un-tok memajukan negeri ini, kita juga selaku raayat, terutama-nya orang2 Islam mesti-lah bersedia menyertai usaha2 yang berkebakikan dalam erti memajukan diri sendiri sa-jajar dengan kehendak2 ugama dan zaman.

SATU majlis keshukoran sa-bagai menandakan permulaan penggunaan Sekolah Ugama Kam-pung Kiulap Pagi telah di-adakan baru2 ini.

Awang Haji Abdul Ha-mid bin Mohd Daud, sa-orang pegawai dari Jaba-tan Hal Ehwal Ugama telah hadhir dan mem-berikan ucapan di-majlis tersebut. Beliau juga me-nyampaikan hadiah2 ka-pada penuntut2 yang ter-baik sa-panjang tahun 1976 (gambar atas).

Sekolah tersebut telah di-bena oleh penduduk2 kampung2 Kiulap dengan bantuan yang di-berikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Sekolah tersebut mula di-gunakan pada 1hb Mach, 1976.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5hb Januari, 1977 hingga ka-hari Selasa 11hb Januari, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
6hb Jan		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
7hb Jan		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
8hb Jan		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
9hb Jan		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
10hb Jan		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
11hb Jan		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SULTAN CALLS ON PEOPLE TO MAINTAIN HARMONY

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan dan Yang Di-pertuan Sir Muda Hassan Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, delivering his New Year Message on television, has again called on the people in the State to make every effort to maintain security and harmony in the country.

His Highness said that Brunei was fortunate enough to have experienced a year of peace and prosperity and prayed that 1977 would be just as fortunate.

He urged everyone in Brunei to exert efforts in maintaining harmony and resisting undesirable elements and reiterated that the Government would continue to strengthen the security of the State.

The Sultan thanked all government servants for their work during the past year. He also thanked members of the Royal Brunei Malay Regiment, the Royal Brunei Police Force and Her Majesty's Armed Forces for their cooperation in maintaining the security of the State.

His Highness ended his message by wishing everyone in Brunei a Happy New Year.

The British High Commissioner, Mr James Davidson, in his New Year Message said Britain wished to continue her special relationship with Brunei.

He repeated the words of Her Majesty Queen Elizabeth in her Christmas message to the Commonwealth by saying that the future of the world depended on understanding and cooperation.

He ended by relaying the greetings of the British people to His Highness the Sultan and the people of Brunei.

Budget approved

THE Legislative Council on the fifth day of its current session approved the Budget Estimates for 1977 totalling \$837 million including \$150 million for the Development Fund.

Of the amount, more than \$302 million had been allocated to the Royal Brunei Malay Regiment.

RBA improves service

THE recent change in the timings of Royal Brunei Airlines services to and from Kuching, has given the Airlines the opportunity to offer the public a significant increase in the standard of meal service provided on these flights.

A statement issued by Royal Brunei said that now with three flights to Kuching all leaving mid-afternoon at 3.15 p.m. and leaving Kuching at 5.15 p.m., the Airline is offering a hot meal service instead of light refreshments.

The statement said the improvement in service has been on trial over the past few weeks and is now permanently available on these afternoon flight. It is already proving popular with the travelling public.

The State Financial Officer the Hon'ble Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee moving the Bill on the second day of the meeting said that although a great deal of the sum was of a capital nature such as buildings and permanent works, the Government was aware that orderly development could not take place except in an atmosphere of peace and tranquility.

Pehin Dato Lee also tabled a separate resolution to apply a sum of \$144,082,327 from the Development Fund for various services and departments.

The amount included over \$19.8 million for roads alone.

After a two-day debate the resolution was unanimously passed.

39 killed in road accidents in 1976

A 14-year old boy became the last person to die in a road accident in the State in 1976.

The boy, Hong Eng Hock, was knocked down by a car on Friday afternoon 31st December at Mile Four Jalan Berakas.

He had just got down from a bus and was crossing the road when a car from the opposite direction hit him.

He was rushed to the General Hospital but succumbed to his injuries on arrival.

A few days before that a five-year old boy Mohammad bin Jamil was killed after being struck by a car at Mile Five Jalan Muara.

The accident occurred when the driver of the car was overtaking another car.

The child was rushed to the hospital but he died on arrival.

The two deaths brought the total of 39 the number of people killed in road accidents in the State in 1976, the worst year on record.

The death toll is more than double that of 1975 when there were only 16 fatalities.

RANCHANGAN MINGGU INI

WEDNESDAY 5 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Lost in Space — "The Anti-matter man"
- 6.27 pm Azan
- 6.31 pm Lost in Space — cont'd
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm The Sweeney — "Abduction"
- 8.00 pm Hogan's Heroes — "The 43rd, moving Story"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Dunia Minggu Ini
- 9.15 pm Kung Fu — "A Lamb to the Slaughter"
- 10.05 pm Show of the Week: The Helen Reddy Show
- 11.15 pm Close Down.

THURSDAY 6 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Voyage to the Bottom of the Sea — "Cave of the Dead"
- 6.29 pm Azan
- 6.33 pm Voyage to the Bottom of the Sea — cont'd
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm The Magician — "The Illusion of the Cat's Eye"
- 8.00 pm Pot Black
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Hidavat
- 9.15 pm The Protectors — "Wam Pt. 2"
- 9.45 pm The Virginian — "Death Wait"
- 11.00 pm Close Down.

FRIDAY 7 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary

- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Murai
- 6.29 pm Azan
- 6.33 pm Milton The Monster "Horror Scope"
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm The Rolf Harris Show
- 8.00 pm The Odd Couple — "Felix Get Sick"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Komentar No. 1.
- 8.55 pm Mutika
- 9.35 pm Documentary: "Mongolia: On The Edge of the Govi"
- 10.12 pm Mystery Movie: Banacek "A Million The Hard Way"
- 11.45 pm Close Down.

SATURDAY 8 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Sesame Street
- 6.29 pm Azan
- 6.33 pm Sesame Street—cont'd
- 7.10 pm Cannon — "The Victim"
- 8.00 pm Get Some In — Ep. 4.
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Suami Isteri
- 9.30 pm Star Soccer
- 10.20 pm Saturday Movie: Columbia — "The Lindbergh Kidnapping Case"
- 12.40 pm Close Down.

SUNDAY 9 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Vision On
- 6.29 pm Azan
- 6.33 pm Dr Who: "Death of the Daleks" Ep. 1.
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm Six Million Dollar Man

TV BRUNEI reserves the right to alter programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

- 8.00 pm Survival — "Man Made For Nature"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Temasha Irama No. 6.
- 9.15 pm Armchair Theatre — "On Call"
- 10.05 pm Bobby Goldsboro Show
- 10.35 pm Close Down.

MONDAY 10 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Swiss Family Robinson — "Jane Lafitte Pt. 2"
- 6.29 pm Azan
- 6.33 pm Swiss Family Robinson — cont'd
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm Emergency
- 8.00 pm I Dream of Jeannie "The Ghost Breaker"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Majlis Perbincangan
- 9.15 pm Hawaii Five O — "Cloth of Gold"
- 10.05 pm Thriller
- 11.20 pm Close Down.

TUESDAY 11 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Sesame Street
- 6.31 pm Azan
- 6.35 pm Sesame Street—cont'd
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm Mission Impossible—"Imitation"
- 8.00 pm The Monkees — "Monstrous Monkee Mash"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Selavang Pandang
- 9.15 pm "The Frame"
- 10.05 pm Cash and Company "All My Worldly Goods"
- 11.00 pm Close Down.

Riverwall and drain

TUTONG. — Works on the construction of the riverwall and drain in Tutong town are about 20 per cent and 70 per cent complete respectively.

The 280-foot long riverwall is being constructed behind the town market at a cost of \$174,000.

The work on this was started about three months ago and is scheduled to be completed in March this year.

The drain, 6,008 feet in length, is being constructed along Jalan Pengiran Ahmad at a cost of \$186,000.

The work began about four months ago and is expected to be completed some time this month.

RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

BAHAGIAN MELAYU

RABU

PAGI: 6.05 — Bacaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 —

Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiburan sambil sarapan; 7.30 — Salam dari ku (SU); 8.00 — Dendang antarabangsa; 9.00 — Sains dan perusahaan (SU); 9.30 — Dendang muda mudi; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Selangan irama; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.00 — Lagu untuk mu (SU); 11.30 — Lagu2 Hindustan; 11.45 — Untuk kaum tani (SU); **TENGAH HARI:** 12.15 — Hiboran tengah hari; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Pelajar di-bumi bertuah (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran berhenti rehat. **PETANG:** Bisekan sukma; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Quran (SU); 6.15 — Irama senja; 6.35 — Suara Azan untuk Magrib dan bacaan ayat2 such Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Mutiara Hikmat; 7.47 — Suara Azan untuk Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia Zaman Ini; 9.00 — Asli Irama; 9.30 — Senandung Irama; 10.00 — Rengkasas Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandung Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

KHAMIS

